

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN**  
**PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN**  
**AWAM BAGI BULAN MAC 2012**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan dan perundangan di bawah undang-undang kesihatan demi kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan Mac 2012, berikut dimaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam.

1. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan wabak denggi, sejumlah 1,857 kompaun bernilai RM 802,650.00 telah dikeluarkan dengan purata RM 432.23 tiap kompaun. Sejumlah 131 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 121 kes telah disabitkan kesalahan dan sejumlah RM 30,150.00 denda dikenakan, iaitu purata RM 249.17 tiap denda. Manakala bagi tempoh Januari sehingga Mac tahun ini, jumlah

keseluruhan kompaun yang dikeluarkan adalah sebanyak 4,680 dengan nilai RM 2,112,950.00. Sejumlah 508 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama 230 kes telah disabitkan kesalahan dimana sejumlah RM 74,250.00 denda telah dikenakan.

2. Melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, daripada 6,035 lawatan pemeriksaan sejumlah 2,955 notis kesalahan dikeluarkan dan dalam masa yang sama 1,621 kesalahan telah dikompaun sebanyak RM 364,150.00 dengan nilai purata RM224.64 tiap kompaun. Bagi tempoh Januari sehingga Mac tahun ini, sejumlah 8,872 notis kesalahan dikeluarkan dan dalam masa yang sama sebanyak 3,994 kesalahan telah dikompaun dengan nilai RM 899,375.00.

Adalah dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

Sekian dan terima kasih.

**DATO' SRI DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

17 April 2012